

MODUL PP

Praktis ke Arah SPM

KERTAS I

6.1 Cabaran Dalam Malaysia

- 1** Buku *Strategy for Action* merupakan koleksi ucapan Tun Abdul Razak Hussein. Apakah harapan yang disuarakan oleh beliau dalam buku tersebut?
- A Rakyat perlu mengekalkan kestabilan politik
B Rakyat perlu bersyukur dengan kemakmuran negara
C Rakyat lebih berdedikasi dalam usaha membangunkan negara
D Rakyat mengelakkan kekerasan dalam menyelesaikan sebarang konflik
- 2** Apakah cabaran utama sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia?
- A Kekurangan tenaga guru
B Sikap pilih kasih kerajaan
C Penduduk pedalaman tidak berminat untuk belajar
D Penduduk di pedalaman tidak mendapat peluang bersekolah

6.2 Pemisahan Singapura

- 3** Mengapakah peristiwa berikut berlaku di Singapura?

Tarikh	Peristiwa
21 Julai 1964	Rusuhan kaum

- A Konflik antara pemimpin
B Perbezaan kaum dan budaya
C Menuntut persamaan hak bagi semua kaum
D Tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan

6.3 Menangani Ancaman Komunis

- 4** Gerakan komunis di Sarawak bermula sejak pendudukan Jepun oleh CCO. Apakah bentuk ancaman komunis di Sarawak?
- I Gerakan gerila
II Gerakan politik
III Serangan bersenjata
IV Serangan terhadap pemimpin kerajaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 5** Kerajaan melaksanakan perang saraf bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak. Antara berikut, yang manakah langkah yang diambil oleh pihak berkuasa dalam kaedah usaha tersebut?

- I Menyebarkan risalah
II Mengisytiharkan kawasan putih
III Mendirikan petempatan baharu
IV Memperkukuh kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 6** Mengapakah kerajaan melaksanakan perang saraf dalam usaha menangani ancaman komunis di Sarawak?

- A Memenangkan hati rakyat dan fikiran rakyat
B Mendirikan penempatan baru kepada rakyat
C Melancarkan operasi ketenteraan terhadap komunis
D Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya ancaman komunis

- 7** Maklumat berikut menunjukkan kegiatan Parti Komunis Malaya (PKM) yang mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia.

- Melakukan serang hendap terhadap pasukan keselamatan di Kroh, Perak yang mengorbankan 16 anggota keselamatan
- Menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman Hashim
- Meletupkan jalan raya dan jambatan kereta api

Antara berikut, apakah langkah yang diambil bagi melindungi rakyat dan orang awam daripada ancaman komunis?

- I Menempatkan semula penduduk
II Melaksanakan tawaran program pengampunan
III Mengadakan persefahaman antara kerajaan Malaysia dan Thailand
IV Kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Apakah ancaman keselamatan komunis di Semenanjung Malaysia ?

Buku
Teks
m/s
124

- I Pengeboman Tugu Negara
- II Pengeboman Muzium Tentera Darat
- III Menghasut rakyat membenci kerajaan
- IV Pembunuhan anggota keselamatan dan orang awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

9 Apakah langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengatasi isu negara yang terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah?

Buku
Teks
m/s
127

- A Menyediakan bantuan kewangan
- B Mengambil buruh dari negara luar
- C Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara
- D Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah

10 Apakah isu yang menyebabkan kerajaan menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal?

Buku
Teks
m/s
128

- A Masalah kesihatan rakyat
- B Peluang pekerjaan yang tinggi
- C Kadar integrasi dalam kalangan penduduk meningkat
- D Kadar pengangguran yang semakin meningkat

11 Rajah 1 berkaitan dengan usaha mengatasi suatu isu pembangunan ekonomi.

Buku
Teks
m/s
128



Rajah 1

Apakah isu yang dimaksudkan?

- A Peluang pekerjaan terhad
- B Taraf hidup yang berbeza
- C Masalah kesihatan dan sosial
- D Peningkatan kadar pengangguran

6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum

12 Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 di negara kita?

Buku
Teks
m/s
129

- A Masalah sosial
- B Perebutan kuasa
- C Keputusan pilihan raya yang lambat
- D Sentimen perkauman dan keagamaan

13 Apakah peranan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dalam usaha mengatasi masalah rusuhan kaum di negara kita?

Buku
Teks
m/s
130

- A Menangguhkan Parlimen
- B Mewujudkan pusat perlindungan
- C Melaksanakan perintah berkurung
- D menguatkuasakan Akta Hasutan 1948

14 Keratan akhbar *The Straits Times* berikut menunjukkan seruan Sultan Perak.

Buku
Teks
m/s
131



Apakah seruan baginda kepada rakyat?

- A Meminta rakyat bertenang
- B Menasihati rakyat agar menjaga keamanan
- C Meminta rakyat mematuhi undang-undang
- D Menasihati rakyat mematuhi perintah berkurung